

PENYEBARAN NASAL HOMORGANIK DALAM DIALEK MELAYU SEMENANJUNG

Mohd Tarmizi Hasrahiⁱ

ⁱPusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
h.tarmizi@uum.edu.my/mijihrasah@gmail.com

Abstrak

Dokumentasi dan pemerian mengenai gejala nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu di Semenanjung memang sudah kerap dilakukan, dan antara pengkaji yang paling awal melakukannya ialah Nik Safiah (1966, 1967). Walau bagaimanapun, dokumentasi dan pemerian yang sedia ada ini memperlihatkan kekurangan dari dua segi: (i) tidak menyeluruh kerana hanya terbatas pada dialek-dialek tertentu; dan, (ii) analisisnya tidak berupaya menyerlahkan hubungan sejarawi yang boleh menjadi dasar kepada penentuan hipotesis tentang asal usul gejala tersebut, dan kemungkinan kewujudan rangkaiannya, kerana terhad kepada aspek sinkronik. Makalah ini adalah satu usaha untuk menangani kedua-dua kekurangan yang dinyatakan ini. Maka, yang dibincangkan di sini ialah satu tinjauan yang bersifat umum mengenai penyebaran nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung. Setelah memaparkan gejala tersebut secara deskriptif, makalah ini berusaha untuk tiba pada pemaparan mengenai perkembangan nasal homorganik, seperti yang diperlihatkan oleh dialek-dialek yang dikaji. Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, makalah ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik yang secara khusus memberi keutamaan kepada aspek inovasi dan retensi. Makalah ini menarik satu kesimpulan penting bahawa rumus nasal homorganik yang dicadangkan oleh para pengkaji lampau gagal beroperasi dalam beberapa kes, khususnya di Hulu Pahang. Selain itu, makalah ini juga mendapati bahawa gejala nasal homorganik berupaya menyerlahkan perkembangan dialek-dialek Melayu di Semenanjung secara bertahap. Dapatan kedua ini bermaksud dialek-dialek ini membentuk satu rantaian sambung-menambung, maka menolak pengelompokan berdasarkan rajah pohon.

Kata kunci: *dialek Melayu, dialektologi diakronik, nasal homorganik, pengelompokan, Semenanjung Malaysia*

1.0 PENGENALAN

Salah satu gejala fonologi yang terjadi dalam dialek-dialek Melayu di Semenanjung yang menarik untuk dikaji ialah nasal homorganik. Hal ini dikatakan demikian kerana gejala tersebut memperlihatkan pola perubahan yang kelihatan sekata, tetapi seringkali mengandungi kekecualian. Kekecualian yang dimaksudkan ini, walaupun mungkin hanya muncul dalam satu atau dua dialek, tetapi memainkan peranan yang sangat penting, sama ada sebagai *counter example* kepada generalisasi sedia ada yang dibuat hanya berdasarkan beberapa dialek tertentu mahupun kepada pengelompokan dialek itu sendiri.

Secara kasar, nasal homorganik merujuk kepada kewujudan dua segmen bunyi konsonan yang hadir bersebelahan, tetapi membentuk dua suku kata yang berbeza. Segmen pertama ialah konsonan nasal, manakala segmen kedua pula terdiri daripada konsonan letupan dan letusan (bersuara dan tidak bersuara). Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, terdapat perkataan seperti [tampar] 'tampar', [tembaʔ] 'tembak', [təndaŋ] 'tendang', [təntaŋ] 'tentang', [kəpcaŋ] 'kencang', [paŋjaŋ] 'panjang', [paŋkas] 'pangkas' dan [taŋga] 'tangga'.

Dalam contoh yang diberikan ini, konsonan nasal (iaitu m, n, ŋ dan ŋ) yang hadir sebelum konsonan letupan (iaitu p, b, t, d, k dan g) serta konsonan letusan (iaitu c dan j) ialah nasal homorganik. Dari segi rumus, nasal homorganik sering diungkapkan hanya sebagai -NK-, iaitu N mewakili konsonan nasal, dan K mewakili konsonan letupan dan letusan bersuara dan tidak bersuara.

Berhubung dengan perkara ini, dokumentasi dan pemerian mengenai gejala nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu Semenanjung memang sudah agak kerap dilakukan. Antara pengkaji yang paling awal menekuni gejala ini ialah Nik Safiah (1966, 1967). Walau

bagaimanapun, dokumentasi dan pemerian yang sedia ada ini memperlihatkan kelemahan sekurang-kurangnya dari dua segi. Kelemahan pertama ialah tidak menyeluruh kerana hanya terbatas kepada dialek-dialek yang tertentu. Kelemahan kedua pula ialah analisisnya tidak berupaya menyerlahkan hubungan sejarawi yang boleh menjadi dasar kepada penentuan hipotesis tentang asal usul pembentukan gejala tersebut, dan kemungkinan kewujudan rangkaianannya yang saling terkait. Yang kedua ini terjadi disebabkan sandaran analisis yang terhad kepada aspek sinkronik.

Makalah ini adalah satu usaha untuk menangani kedua-dua kekurangan yang dinyatakan ini. Maka, yang dipaparkan di sini ialah satu tinjauan yang bersifat umum mengenai penyebaran nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu yang terdapat di Semenanjung. Setelah memaparkan gejala tersebut secara deskriptif, makalah ini berusaha pula untuk tiba pada penjelasan mengenai jalur perkembangannya seperti yang diperlihatkan oleh dialek-dialek yang dikaji.

Secara umum, makalah ini menarik satu kesimpulan penting bahawa rumus dan struktur nasal homorganik yang dicadangkan oleh para pengkaji lampau sebenarnya gagal beroperasi dalam beberapa kes khususnya di Hulu Pahang, yakni varian Budu dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Selain itu, makalah ini juga mendapati bahawa gejala nasal homorganik sebenarnya berupaya menyerlahkan perkembangan dialek-dialek Melayu di Semenanjung secara bertahap. Dapatan kedua ini bermaksud dialek-dialek Melayu di Semenanjung membentuk satu rantaian yang sambung-menyambung, dan hal ini memungkinkan penolakan terhadap pengelompokan sedia ada yang dibuat berdasarkan rajah pohon.

2.0 METODOLOGI

Dua perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini, iaitu pengumpulan data dan pendekatan yang digunakan dalam analisis.

2.1 Pengumpulan data

Data yang digunakan dalam makalah ini ialah data primer dan data sekunder. Data primer ialah data yang dikumpul di lapangan yang dilakukan secara berkala antara tahun 2008 hingga 2018 di beberapa kawasan iaitu, Hulu Pahang, Hulu Tembeling, Hulu Kelantan, Pasir Puteh, Hulu Terengganu dan Kuala Terengganu. Daftar kata yang digunakan untuk pengumpulan data primer agak bervariasi. Misalnya, di Hulu Pahang, itemnya mencecah 640, sedangkan item yang digunakan di Kuala Terengganu hanya berjumlah 230. Data sekunder pula ialah data yang diambil daripada dokumentasi yang sedia ada termasuk glosari dialek-dialek Melayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

2.2 Pendekatan analisis

Terdapat dua pendekatan yang diterapkan. Hal ini disebabkan objektif makalah ini mengandungi dua tahap, iaitu pemerian aspek fonologi dan perkembangannya.

Dari segi pemerian fonologi, makalah ini menerapkan pendekatan dialektologi diakronik yang berasaskan pada satu prinsip khas, yakni perkembangan bahasa/dialek cocok dengan analogi gelombang. Maksudnya, terdapat titik mula dalam perubahan linguistik, dan seterusnya berdifusi dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Difusi dalam konteks seperti ini membayangkan bahawa perkembangan, perubahan atau difusi linguistik didorong oleh sebab internal (struktural) dan eksternal (sosial). Dengan kata lain, dorongan perubahan yang paling utama ialah linguistik. Maka, setiap perkembangannya pasti meninggalkan jejak struktural yang boleh ditonjolkan secara sistematik. Jejak ini bagaimanapun turut meninggalkan puing-puing pada tananan sosial yang juga berguna bagi merungkaikan alur perkembangan aspek fonologi yang diperikan.

Dari segi pengelompokan, aspek inovasi dan retensi menjadi tunjangnya. Asas pengelompokan ialah asas inovasi bersama. Pemisahan tidak dilihat dalam maksud yang diskrit, yakni setiap satu inovasi dalam satu dialek berbeza secara tegas dengan inovasi dalam dialek yang lain, seperti yang dibayangkan oleh rajah pohon. Pengelompokan yang dicadangkan di sini ialah yang bercorak rantaian. Maksudnya, setiap satu inovasi bermula dan mempengaruhi inovasi dalam dialek yang lain.

3.0 RUMUS DAN STRUKTUR NASAL HOMORGANIK VARIAN MALAYIK SEMENANJUNG

Adelaar (1992:80) menyatakan bahawa Proto-Malayik (PM) memiliki dua bentuk konsonan yang tercakup di bawah payung istilah *preconsonantal nasal*, iaitu *homorganic nasal* dan *heterorganic nasal*, tetapi yang pertama itulah yang akan ditumpukan di sini. Berdasarkan enam isolek (iaitu Melayu, Banjar Hulu, Serawai, Minangkabau, Melayu Jakarta dan Iban) yang digunakan sebagai dasar perbandingan, Adelaar merekonstruksi bentuk nasal homorganik sebagaimana yang berikut:

*m sebelum *p dan *b = *mp dan *mb
 *n sebelum *d dan *t = *nd dan *nt
 *ŋ sebelum *j dan *c = *ŋj dan *ŋc
 *ŋ sebelum *g dan *k = *ŋg dan *ŋk

Contoh:

*əmpat 'empat'
 *tambah 'tambah'
 *pindah 'pindah'
 *gantunŋ 'gantunŋ'
 *iŋjəm 'pinjam'
 *kaŋciŋ 'kancing'
 *taŋga? 'tangga'
 *laŋka? 'langkah'

Berdasarkan dokumentasi dan pemerian dialek-dialek Melayu di Semenanjung yang sedia ada, ditambah pula dengan data yang dikumpul di lapangan, memperlihatkan bahawa semua bentuk nasal homorganik PM ini mengalami retensi dan inovasi sekali gus. Kedua-dua gejala ini dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- i. *NK > NK
- ii(a). *NK > ØK
- ii(b). *NK > KØ

Rumus i diwakili oleh varian Malayik yang dituturkan di bawah Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara, manakala rumus ii (a) dan (b) diwakili oleh varian Malayik yang terdapat di sebelah pantai timur Semenanjung, atau yang dikelompokkan sebagai Cabang Semenanjung Timur. Contoh-contoh yang cocok dengan rumus yang diberikan ini adalah seperti yang dipaparkan di bawah:

Cabang Semenanjung Selatan

- *mb > Muar [nɛmbaʔ] ‘tembak’, Jugra [ɣambut] ‘rambut’, Melaka [ambay] ‘air yang surut’, Negeri Sembilan [bɔumbay umbay] ‘berayun-ayun’.
- *mp > Muar [səmpet] ‘sempit’, Jugra [səmpɛ] ‘sampai’, Melaka [empan̩ alan̩] ‘ingat-ingat lupa’, Negeri Sembilan [bɔkəmpɔŋ] ‘berkumpul’.
- *nt > Jugra [antah] ‘antah’, Melaka [duyian gantan̩] ‘durian besar’, Negeri Sembilan [bɛntoŋ] ‘bantut’.
- *nd > Jugra [bandəʔ] ‘bandar’, Melaka [andaw] ‘sia-sia’, Negeri Sembilan [bandan] ‘penyakit pada kerbau’.
- *ŋc > Jugra [məmaŋcəʔ] ‘memancarkan’, Melaka [bəŋcəh] ‘cecair yang merebak atas permukaan’, Negeri Sembilan [bɔyɔŋcəy] ‘air mata bercurahan’.
- *ŋj > Muar [ŋjaet] ‘menjahit’, Melaka [bəbən̩jaw] ‘anggaran pada barang-barang’, Negeri Sembilan [biŋjeʔ] ‘ambil dengan tiga hujung jari’.
- *ŋg > Muar [tuŋgol] ‘tunggul’, Melaka [aŋgola] ‘tali atau jaring lama yang dipintal’, Negeri Sembilan [bɔcəŋgəŋ] ‘berpisah’.
- *ŋk > Jugra [aŋkuʔaŋkuʔ] ‘angkut-angkut’, Melaka [bəyɔŋkoy] ‘bergugus-gugus’, Negeri Sembilan [aŋka] ‘badan yang panas’.

Cabang Semenanjung Utara

- *mb > Perak [bɔxəmbat] ‘papan yang berinjut apabila dipijak’, Kedah [ambāʔ ambāʔ] ‘bekas air wangi yang digunakan semasa majlis kahwin’.
- *mp > Perak [həmpɛh] ‘perangai/perbuatan buruk’, Kedah [campen] ‘tergendala’.
- *nt > Perak [bantə] ‘putera sultan yang lahir ketika ayahnya masih memerintah’, Kedah [ɛntəŋ] ‘hormat, peduli’.
- *nd > Perak [bundi] ‘liang lahat’, Kedah [dəndən] ‘memintal, menganyam’.
- *ŋc > Perak [əŋcəʔ] ‘panggilan kepada ibu’, Kedah [məŋcaləy] ‘melompat dengan cara luar biasa’.
- *ŋj > Perak [aŋjəŋ] ‘panggilan untuk anak kelima’, Kedah [jijjat] ‘berdiri dengan hujung kaki’.
- *ŋk > Perak [biŋkeh] ‘jadi kaya dengan tiba-tiba’, Kedah [məŋkala] ‘bila’.
- *ŋg > Perak [aŋgɔ] ‘agaknya’, Kedah [ɬeŋkat] ‘tempang’.

Cabang Semenanjung Timur

Seperti yang telah dinyatakan, situasi di Semenanjung Timur lebih kompleks kerana melibatkan kedua-dua rumus ii(a) dan ii(b). Dialek Melayu Pahang umpamanya, selain kebanyakan kawasan yang menuturkan dialek Melayu Hulu Pahang, serta dialek Melayu Hulu Tembeling masih mengekalkan nasal homorganik PM sebagaimana yang wujud dalam dialek Melayu Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara. Dialek Melayu Kelantan, dialek Melayu Hulu Kelantan, dialek Melayu Terengganu dan dialek Melayu Hulu Terengganu pula memperlihatkan pengguguran segmen nasal jika konsonan ini hadir sebelum konsonan letupan dan letusan tidak bersuara. Akan tetapi, konsonan ini dikekalkan jika hadir sebelum konsonan letupan dan letusan bersuara. Hal ini dapat diperhatikan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Struktur nasal homorganik di Semenanjung Timur

PM	Kelantan/Hulu Kelantan dan Terengganu/Hulu Terengganu	Pahang, Hulu Pahang dan Hulu Tembeling
*mp	Øp	mp
*mb	mb	mb
*nt	Øt	nt
*nd	nd	nd
*ɲc	Øc	ɲc
*ɲj	ɲj	ɲj
*ŋk	Øk	ŋk
*ŋg	ŋg	ŋg

Contohnya:¹²

- *mp > Pasir Mas dan Gaal [tu:pē] ‘tumpang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [tu:paŋ], Pahang [ɑmpoh] ‘sesuatu yang ditenggelami air’, Sentang [tumpa:] ‘tumpang’, Hulu Tembeling [tumpaʔ]
- *mb > Pasir Mas dan Gaal [tambē] ‘tambang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [tambaŋ], Pahang [bəyambi] ‘melakukan sesuatu pekerjaan dengan berhati-hati’, Sentang [tamba:] ‘tambang’, Hulu Tembeling [tambaʔ] ‘tambang’.
- *nt > Pasir Mas dan Gaal [pa:tē] ‘pantang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [pa:taŋ] ‘pantang’, Pahang [kantan] ‘kayu penyelak pintu’, Sentang [panta:] ‘pantang’, Hulu Tembeling [pantaʔ] ‘pantang’.
- *nd > Pasir Mas [yendē] ‘rendang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [pandaŋ] ‘pandang’, Pahang [bəndaŋ] ‘keadaan api yang sangat marak’, Sentang [panda:] ‘pandang’, Hulu Tembeling [pandaʔ] ‘pandang’.
- *ɲc > Pasir Mas dan Gaal [ci:cē] ‘cincang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [ci:caŋ] ‘cincang’, Pahang [baŋco] ‘lantai atau padang yang berair’, Sentang [ciŋca:] ‘cincang’, Hulu Tembeling [ciŋcaʔ] ‘cincang’.
- *ɲj > Pasir Mas dan Gaal [paŋjē] ‘panjang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [paŋjaŋ] ‘panjang’, Pahang [boŋjot] ‘memuncungkan mulut’, Sentang [paŋja:] ‘panjang’, Hulu Tembeling [paŋjaʔ] ‘panjang’.
- *ŋk > Pasir Mas dan Gaal [ka:kē] ‘kangkang’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [ka:kaŋ] ‘kangkang’, Pahang [baŋket] ‘seseorang yang bertingkah laku kurang sopan’, Sentang [kaŋka:] ‘kangkang’, Hulu Tembeling [kaŋkaʔ] ‘kangkang’.
- *ŋg > Pasir Mas [peŋga] ‘kata berganda untuk pecah’, Kuala Betis, Beladau Selat dan Dusun [paŋgaŋ] ‘panggung’, Pahang [caŋgit] ‘kayu bercabang pada galah pengait buah’, Sentang [paŋga:] ‘panggung’, Hulu Tembeling [paŋgaʔ] ‘panggung’.

Satu kesimpulan dapat dibuat berdasarkan maklumat yang dipaparkan ini, iaitu gejala nasal homorganik membolehkan dialek-dialek Melayu di Semenanjung dipecahkan kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah dialek-dialek yang menginvasikan beberapa aspek nasal homorganik PM. Kelompok ini terdiri daripada dialek-dialek Melayu di Kelantan dan di Terengganu. Kelompok kedua pula ialah dialek-dialek Melayu yang memperlihatkan retensi nasal homorganik PM. Kelompok ini terdiri daripada dialek Melayu Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara, serta dialek Melayu yang terdapat di Pahang.

¹² Contoh dialek Melayu Pahang dan beberapa dialek Melayu Kelantan (Pasir Mas) yang dipaparkan di sini tidak sejajar dengan contoh-contoh dialek lain, kerana yang ditekankan di sini ialah kewujudan bentuk nasal homorganik. Maksudnya, walaupun contohnya berbeza, tetapi kewujudan nasal homorganik masih terserlah. Jadi, hal ini tidaklah mengganggu contoh-contoh lain yang berbeza itu.

3.1 NASAL HOMORGANIK DI BUDU

Walau bagaimanapun, kesimpulan yang dibuat ini tidak menggambarkan kenyataan sebenar mengenai nasal homorganik dalam Malayik Semenanjung. Di Budu, iaitu sebuah perkampung kecil berhampiran pekan Benta, di Kuala Lipis, Hulu Pahang, wujud satu gejala yang sangat aneh jika diukur menggunakan rumus nasal homorganik yang dibuat dalam bahagian sebelum ini. Perhatikan contoh-contoh di bawah:

[tumpã:] ‘tumpang’
 [tamã:] ‘tambang’
 [pantã:] ‘pantang’
 [panã:] ‘pandang’
 [cipcã:] ‘cincang’
 [papã:] ‘panjang’
 [kaŋkã:] ‘kangkang’
 [paŋã:] ‘panggang’

Apakah yang boleh disimpulkan berdasarkan data ini? Ternyata nasal homorganik dalam varian Budu terbina daripada struktur yang berikut:

*mp > mp
 *mb > m∅
 *nt > nt
 *nd > n∅
 *ŋc > ŋc
 *ŋj > ŋ∅
 *ŋk > ŋk
 *ŋg > ŋ∅

Berdasarkan struktur ini, rumus nasal homorganik varian Budu ialah pengguguran segmen kedua selepas konsonan nasal terjadi pada konsonan letupan dan letusan bersuara. Rumus ini ternyata berbeza dengan rumus nasal homorganik dalam dialek Melayu Kelantan/Hulu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu/Hulu Terengganu yang menggugurkan konsonan nasal sebelum konsonan letupan dan letusan tidak bersuara, selain turut berbeza dengan rumus nasal homorganik yang sedia ada seperti yang muncul dalam dialek Melayu Cabang Semenanjung Selatan, Cabang Semenanjung Utara serta dialek Melayu Pahang/Hulu Pahang sendiri.¹³

4.0 PERBINCANGAN: PERKEMBANGAN BERTAHAP DAN PENGELOMPOKAN

Gejala yang terjadi dalam nasal homorganik dialek-dialek Melayu Semenanjung memperlihatkan bahawa alur perkembangannya daripada nasal homorganik PM terjadi secara bertahap. Dengan bertahap, hal ini membawa maksud perkembangannya terjadi secara *gradual*, seolah-olah berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain sejajar dengan prinsip dalam teori gelombang. Secara tersirat, perkembangan seperti ini membayangkan pula kewujudan dialek yang konservatif dan dialek yang inovatif.

Perkembangan secara *gradual* menunjukkan bahawa trajektori perubahan nasal homorganik PM bermula daripada dialek-dialek Melayu dalam Cabang Semenanjung Selatan dan Cabang Semenanjung Utara sebelum tiba kepada dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Hulu

¹³ Walau bagaimanapun, tidak semua nasal homorganik dalam varian Budu mematuhi rumus ini. Antaranya, *tembak > [tembeʔ], [sumbe:] ‘sumbing’, *tanduk > [tandoʔ], [aŋje:] ‘anjing’, [taŋgoʔ] ‘sejenis alat untuk menangkap ikan’; rujuk Mohd Tarmizi (2018). Maksudnya, rumus nasal homorganik yang diberikan ini hanya beroperasi apabila diikuti oleh vokal /a/ yang berakhir dengan nasal velar. Selain daripada ini, rumus tersebut gagal beroperasi.

Pahang dan dialek Melayu Hulu Tembeling. Daripada dialek-dialek Melayu yang ini, muncul dua jalur perubahan. Pertama, perubahan yang terjadi dalam dialek Melayu Kelantan/Hulu Kelantan dan dialek Melayu Terengganu Pantai/Hulu Terengganu. Kedua, perubahan yang terjadi dalam varian Budu.

Dari segi pengelompokan, perkembangan seperti ini menunjukkan bahawa dialek-dialek Melayu di Selatan dan Utara Semenanjung, selain dialek Melayu Pahang, dialek Melayu Hulu Pahang serta dialek Melayu Hulu Tembeling, merupakan dialek konservatif. Semua dialek ini dikatakan konservatif kerana mengekalkan atau meretensikan bentuk nasal homorganik PM. Dialek-dialek Melayu di sebelah timur Semenanjung, khususnya dialek Melayu Kelantan dan dialek Melayu Hulu Kelantan serta dialek Melayu Terengganu Pantai dan dialek Melayu Hulu Terengganu pula adalah dialek yang inovatif. Hal ini adalah kerana dialek-dialek ini memperlihatkan perubahan terhadap bentuk nasal homorganik PM. Begitu juga dengan varian Budu yang termasuk juga dalam dialek inovatif kerana memiliki inovasi dalam nasal homorganik.

Persoalannya, antara varian Budu dengan dialek-dialek Melayu di Kelantan dan Terengganu, yang manakah berinovasi lebih awal? Makalah ini masih belum berupaya memberikan jawapan yang tuntas disebabkan kekurangan data. Walau bagaimanapun, dalam sebuah makalah yang lain, Mohd Tarmizi (manuskrip t.t.) ada mencadangkan bahawa isu inovasi nasal homorganik yang terjadi dalam varian Budu tidak boleh diselesaikan jikalau hanya bersandarkan pada bukti linguistik semata-mata. Isu ini sebaliknya perlu mempertimbangkan bukti sosiosejarah dan sosiolinguistik, atau dengan kata lainnya, perlu mempertimbangkan faktor kontak yang melibatkan dialek Melayu Kelantan. Faktor kontak ini disandarkan pada alasan bahawa terdapat ramai para penghijrah dari Kelantan yang pernah bermustautin di Budu, bahkan ada di antara mereka yang menduduki tingkat sosial yang tinggi.

Jika cerapan yang dicadangkan ini tepat, maka kemungkinan yang boleh diambil sebagai jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan ialah varian Budu dapat digolongkan sebagai varian yang paling inovatif. Hal ini dikatakan demikian kerana inovasi nasal homorganik yang terjadi di Budu adalah berpunca daripada dialek Melayu Hulu Kelantan. Logik yang mendasari kemungkinan ini ialah inovasi nasal homorganik di Budu tidak tersebar secara meluas dalam sistem linguistiknya, sebaliknya terbatas pada lingkungan yang sangat khusus, iaitu NK yang diikuti dengan -anj. Inovasi nasal homorganik tidak terjadi dalam bentuk yang lain, seperti yang ditegaskan dalam nota kaki nombor 2.

5.0 KESIMPULAN

Makalah ini secara sederhana telah membincangkan perihal gejala nasal homorganik dalam dialek-dialek Melayu Semenanjung. Terdapat sekurang-kurangnya dua kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan perbincangan dalam makalah ini. Pertama, gejala nasal homorganik sebenarnya sangat kompleks. Disebabkan kompleksitinya, maka rumus sedia ada gagal beroperasi dengan sempurna khususnya di Budu. Oleh sebab itu, rumus yang sedia ada itu perlu diubah supaya berupaya menjelaskan gejala yang muncul dalam varian tersebut. Kedua, disebabkan kompleksitinya juga, maka pengelompokan dialek-dialek Melayu Semenanjung juga kelihatan bermasalah. Isunya, bagaimanakah mengelompokkan dialek-dialek yang memperlihatkan tiga gejala nasal homorganik yang berbeza? Jikalau diterapkan juga pengelompokan yang sedia ada, maka kenyataan yang dibawa oleh gejala nasal homorganik akan gagal diserlahkan. Isu ini menunjukkan bahawa dialek-dialek Melayu Semenanjung memerlukan satu pengelompokan baharu yang lebih berdaya menyerlahkan aspek rantaian dialek berbanding dengan pengelompokan yang membayangkan hubungan dialek yang terputus-putus.

RUJUKAN

- Adelaar, Karl. A. (1992). *Proto-Malayic: the reconstructions of phonology and parts of its morphology and lexicon*. Pacific Linguistics series. Canberra: Australian University Press.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. (1983b). Dialek Pahang: rangka pengenalan. Bahagian I dan II. *Dewan Bahasa* 27: 7-29; 99-118.
- Collins, J. T. 1996. *Khazanah dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Glosari dialek Melayu Kedah*. 2015. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Melayu Melaka*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Melayu Perak*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Melayu Pahang*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Glosari dialek Melayu Negeri Sembilan*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018. *Analisis sejarah dan perkembangan fonologi dialek Melayu di bahagian timur Semenanjung Malaysia*. Tesis doktor falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah. t.t. *Penasalan vokal di Hulu Pahang*. Manuskrip.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman dan Shahidi A.H. 2014. *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. 1966. Loghat Kelantan: huraian fonologi dan catitan pendek mengenai sifat-sifat umumnya. *Dewan Bahasa*, jilid x, 6: 4-8.
- Nik Safiah Karim. 1967. Meninjau beberapa aspek fonologi loghat Kelantan. *Dewan Bahasa*, jilid xi, 8: 22-25.